

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN
 TARIKH / HARI : 18 JANUARI 2017 (RABU)

Sinar 18/1

Payung percuma menanti pembayar cukai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan memberikan payung percuma kepada pembayar yang menjelaskan cukai taksiran.

Pembayar cukai yang layak mendapatkan payung ini adalah mereka yang menjelaskan cukai taksiran untuk tempoh setahun dan jumlah melebihi RM100 serta tidak mempunyai tunggakan.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, pemberian payung se-

cara percuma ini adalah sebagai menghargai komitmen dan tanggungjawab pembayar-pembayar cukai yang menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan dan tidak mempunyai tunggakan.

"Pemberian payung secara percuma ini berdasarkan kepada siapa cepat dia dapat. Hasil kutipan cukai taksiran ini akan digunakan untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan MBSA kepada masyarakat melalui perkhidmatan seperti kutip-

an sampah domestik dan pembersihan awam, penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan, lampu jalan, longkang, pembinaan pasar, dewan dan sebagainya.

"Melalui kutipan cukai taksiran ini juga dapat membantu MBSA menguruskan bandaraya Shah Alam dengan lebih cekap dan efisien sekaligus dapat memberi ke-selesaian, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat khususnya yang bermastautin di Bandaraya Shah Alam," katanya.